

# Syarikat multinasional digalakkan buka pusat serantau

UM - 18/5/2007.

Sehingga kini terdapat kira-kira 100 syarikat multinasional. Pada awal tahun ini pula, syarikat seperti Dell dan Satyam membuka pusat penghantaran global di sini

**NAJIB  
TUN RAZAK**  
Timbalan  
Perdana Menteri

**PUTRAJAYA** 17 Mei - Malaysia mahu lebih banyak syarikat multinasional menjadikan negara ini sebagai pilihan utama untuk membuka pusat serantau, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut beliau, langkah ini akan membolehkan Malaysia menjadi pangkalan kepada perkhidmatan perkongsian antara-bangsa dan penyediaan kemudahan-kemudahan sumber luar.

"Sehingga kini terdapat kira-kira 100 syarikat multinasional. Pada awal tahun ini pula, syarikat seperti Dell dan Satyam membuka pusat penghantaran global di sini.

"Sementara Al-Jazeera pula memilih Kuala Lumpur sebagai pusat penyiaran serantaunya," katanya dalam ucapan pembukaan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) Ke-10 di sini, hari ini.


Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis dan beberapa Menteri Besar termasuk Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Mesyuarat IAP akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini dan pada mesyuarat itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan beberapa mesyuarat berasingan.

Tema mesyuarat kali ini ialah Membawa MSC Malaysia ke Peringkat Global : Membangunkan Infrastruktur Ilmu Pengetahuan dan Menjana Bakat.

Sebanyak 28 anggota IAP dijadual hadir pada mesyuarat itu, antaranya Presiden Alcatel-Lucent Asia Pasifik, Frederic Rose; Pengarah Besar Eksekutif Rangkaian Kanak-Kanak Al-Jazeera, Mahmoud Bouneb; Pengasas dan Pengerusi BBWORLD Consulting Services Sarl, Dr. Robert Bishop; Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Baidu.com dan Pengerusi Cyber Century Forum, Ambassador Diana Lady Dougan.

Anggota panel lain ialah Pengarah Urusan IT Services, DHL ISSC Europe, Stephen McGuckin; Ketua Pegawai Eksekutif Gonzo Digimation Holding K.K, Shinichiro Ishikawa; Pengerusi dan Ketua



**ABDULLAH Ahmad Badawi dan Dr. Jamaludin Jarjis memegang gambar karikatur siri animasi kartun *Cerita Rakyat Malaysia* sambil diperhatikan Najib Tun Razak, Pengerusi MDC, Tan Sri Abdul Halim Ali (dua dari kiri) dan pelukis karakter, Sandra Khoo Shi Kim (kanan) ketika melawat gerai pameran sempena mesyuarat IAP MSC Malaysia Ke-10 di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya, semalam.**

Pegawai Eksekutif Jazz Technologies Inc., Dr. Gilbert F. Amelio dan Presiden IDtrack, Robert Madge.

Najib yakin usaha yang dijalankan oleh MSC Malaysia akan menyumbang kepada

perkembangan ekonomi negara melalui rangkaian global dan penyebaran agenda teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) negara.

Beliau memberitahu, projek MSC me-

rupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bertujuan untuk menarik syarikat berteknologi tinggi atau pembangunan multimedia teknologi bagi memacu Malaysia ke arah kepimpinan berinformasi.